KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

# KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

## Dokumen Penjajaran Kurikulum

# PENDIDIKAN MUZIK

## TAHUN 6

EDISI 2

## KATA PENGANTAR



Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan penjajaran kurikulum selaras dengan pengumuman pembukaan semula sekolah berdasarkan Takwim Persekolahan 2020 yang dipinda. Pada ketika itu, Kandungan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah dijajarkan bagi tujuan kegunaan pengajaran dan pembelajaran bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid yang terkesan lanjutan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Susulan penutupan semula sekolah sepenuhnya mulai 9 Novermber 2020, sekolah telah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) sehingga hari terakhir persekolahan bagi tahun 2020. Meskipun guru telah berusaha untuk melaksanakan PdPR, namun masih terdapat cabaran dari aspek pelaksanaannya yang akan memberi implikasi terhadap pembelajaran murid pada tahun 2021. Sehubungan dengan itu, KPM telah memutuskan untuk meneruskan pelaksanaan Penjajaran Kurikulum Versi 2.0 bagi tahun 2021.

Penjajaran Kurikulum Versi 2.0 merupakan usaha KPM bagi membantu guru untuk memastikan kelangsungan pembelajaran murid dilaksanakan. Kurikulum yang dijajarkan ini bukanlah kurikulum baharu, tetapi kurikulum sedia ada yang disusun semula berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSR serta ditambah baik daripada dokumen penjajaran kurikulum sebelumnya. Kandungan kurikulum disusun berdasarkan kandungan asas yang perlu dikuasai oleh murid. Manakala, kandungan tambahan dan pelengkap perlu diajar bagi menyokong keseluruhan pembelajaran sesuatu mata pelajaran yang boleh dilaksanakan melalui pelbagai kaedah dan teknik pembelajaran.

Harapan KPM agar guru dapat terus merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran pada tahun 2021 dengan lebih berkesan. KPM juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam melaksanakan kurikulum yang dijajarkan.

**Dr. LATIP BIN MUHAMMAD**
Timbalan Pengarah Kanan
(Kluster Dasar dan Sains & Teknologi)
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

| **Tajuk** | **Standard Kandungan/Standard Pembelajaran** | | |
|---|---|---|---|
| | **Kandungan Asas** | **Kandungan Tambahan** | **Kandungan Pelengkap** |
| | 1.1.1 Bernyanyi dengan pic yang betul.<br><br>1.1.2 Bernyanyi lagu dua lapisan suara.<br><br>1.1.3 Bernyanyi solfa do, re, mi , fa , so, la, ti, do'.<br>– menyanyikan solfa dalam pelbagai corak irama<br><br>1.1.4 Mengaplikasi ***crescendo*** dan ***decrescendo*** dalam nyanyian. | | |

| Tajuk | Standard Kandungan/Standard Pembelajaran | | |
|---|---|---|---|
| | **Kandungan Asas** | **Kandungan Tambahan** | **Kandungan Pelengkap** |
| | 1.1.5 Bernyanyi dengan dinamik.<br>– lembut (*p*)<br>– sederhana lembut (*mp*)<br>– kuat (*f*)<br>– sederhana kuat (*mf*)<br><br>1.1.6 Bernyanyi dengan artikulasi yang betul.<br>– *staccato*<br>– *legato* | | 1.1.7 Mengamalkan nilai murni semasa aktiviti bernyanyi. |

| Tajuk | Standard Kandungan/Standard Pembelajaran | | |
|---|---|---|---|
| | **Kandungan Asas** | **Kandungan Tambahan** | **Kandungan Pelengkap** |
| 1.2 Perkusi | 1.2.1 Memainkan corak irama berdasarkan skor.<br>– meter $\frac{2}{4}$ $\frac{3}{4}$ $\frac{4}{4}$<br><br>1.2.2 Memainkan alat perkusi dalam pelbagai tempo.<br><br>1.2.3 Memainkan alat perkusi dengan dinamik berdasarkan skor.<br>– lembut (*p*)<br>– sederhana lembut (*mp*)<br>– kuat (*f*)<br>– sederhana kuat (*mf*) | | 1.2.4 Mengamalkan nilai murni semasa aktiviti memainkan alat perkusi. |

| Tajuk | Standard Kandungan/Standard Pembelajaran | | |
|---|---|---|---|
| | Kandungan Asas | Kandungan Tambahan | Kandungan Pelengkap |
| 1.3 Bergerak mengikut muzik | 1.3.1 Membuat pergerakan berdasarkan muzik yang didengar<br>– bentuk muzik<br>– harmoni<br>– tekstur | | 1.3.2 Mengamalkan nilai murni semasa aktiviti bergerak mengikut muzik. |

| Tajuk | Standard Kandungan/Standard Pembelajaran | | |
|---|---|---|---|
| | **Kandungan Asas** | **Kandungan Tambahan** | **Kandungan Pelengkap** |
| 1.4 Rekoder | 1.4.1 Memainkan not C, D, E, F, G, A, B, C’ dan D’ dengan ton yang baik.<br><br>C D E F G A B C’ D’<br>– memainkan not<br><br>– penjarian not C, D, E, F, G, A, B, C’ dan D’<br>– pernafasan<br>– perlidahan (dengan sebutan tu)<br>– ***embouchure***<br>postur | | 1.4.5 Mengamalkan nilai murni semasa aktiviti memainkan rekoder. |

<table>
<tr><th rowspan="2">Tajuk</th><th colspan="3">Standard Kandungan/Standard Pembelajaran</th></tr>
<tr><th>Kandungan Asas</th><th>Kandungan Tambahan</th><th>Kandungan Pelengkap</th></tr>
<tr><td></td><td>1.4.2 Memainkan rekoder berdasarkan skor<br>– memainkan frasa lagu<br>– memainkan melodi kaunter<br>– memainkan melodi<br><br>1.4.3 Memainkan rekoder dalam pelbagai tempo.<br><br>1.4.4 Mengaplikasikan dinamik dalam permainan rekoder.<br>– lembut (p)<br>– sederhana lembut (mp)<br>– kuat (f)<br>– sederhana kuat (mf)</td><td></td><td></td></tr>
</table>

| Tajuk | Standard Kandungan/Standard Pembelajaran | | |
|---|---|---|---|
| | **Kandungan Asas** | **Kandungan Tambahan** | **Kandungan Pelengkap** |
| 2.1 Menghasilkan idea muzikl | 2.1.1 Menghasilkan pelbagai kesan bunyi untuk mengiringi persembahan.<br><br>2.1.2 Mencipta corak irama mudah.<br>– meter $\frac{2}{4}$ $\frac{3}{4}$ $\frac{4}{4}$<br><br>2.1.3 Mencipta dan menyanyikan melodi mudah.<br>– mengajuk melodi<br>– mengimprovisas 'jawapan'kepada 'soalan'yang diberikan. | | |

| Tajuk | Standard Kandungan/Standard Pembelajaran | | |
|---|---|---|---|
| | **Kandungan Asas** | **Kandungan Tambahan** | **Kandungan Pelengkap** |
| 3.1 Menghayati muzik daripada pelbagai repertoir. | | | 3.1.1 Memberi pendapat tentang muzik yang didengar atau ditonton menggunakan terminologi muzik secara berpandu.<br><br>Ciri muzik:<br>- Alat Muzik (contoh: alat bertali, alat muzik tiupan, alat perkusi)<br>- Cara Persembahan |

| Tajuk | Standard Kandungan/Standard Pembelajaran | | |
|---|---|---|---|
| | **Kandungan Asas** | **Kandungan Tambahan** | **Kandungan Pelengkap** |
| 4.1 Membaca dan menulis notasi muzik. | | 4.1.1 Menulis simbol dan istilah<br>– ***tie*** <br>– ***slur*** <br>– ***fermata*** <br>– ***common time***  | |

| Tajuk | Standard Kandungan/Standard Pembelajaran | | |
|---|---|---|---|
| | **Kandungan Asas** | **Kandungan Tambahan** | **Kandungan Pelengkap** |
| | | .1.2 Menama dan menulis not C, D, E, F, G, A, B, C’, D’ pada baluk.<br><br>**C D E F G A B C’ D’**<br>– Semibrif<br>– Minim<br>– Krocet<br>– Kuaver | |

<table>
<tr><th rowspan="2">Tajuk</th><th colspan="3">Standard Kandungan/Standard Pembelajaran</th></tr>
<tr><th>Kandungan Asas</th><th>Kandungan Tambahan</th><th>Kandungan Pelengkap</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td>4.1.3 Menulis nilai not dan tanda rehat.<br>
<table>
<tr><th>Jenis Not</th><th>Nilai Not</th><th>Tanda Rehat</th></tr>
<tr><td>𝅝<br>semibrif</td><td>4</td><td>𝄻</td></tr>
<tr><td>𝅗𝅥.<br>minim bertitik</td><td>3</td><td>𝄼.</td></tr>
<tr><td>𝅗𝅥<br>minim</td><td>2</td><td>𝄼</td></tr>
</table></td><td></td></tr>
</table>

<table>
<tr><th rowspan="2">Tajuk</th><th colspan="3">Standard Kandungan/Standard Pembelajaran</th></tr>
<tr><th>Kandungan Asas</th><th>Kandungan Tambahan</th><th>Kandungan Pelengkap</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td>
<table>
<tr><th>Jenis Not</th><th>Nilai Not</th><th>Tanda Rehat</th></tr>
<tr><td>♩.<br>krocet bertitik</td><td>1½</td><td>𝄽.<br>atau<br>𝄾.</td></tr>
<tr><td>♩<br>krocet</td><td>1</td><td>𝄽<br>atau<br>𝄾</td></tr>
<tr><td>♪<br>kuaver</td><td>½</td><td>𝄾</td></tr>
</table>
</td><td></td></tr>
</table>

| Tajuk | Standard Kandungan/Standard Pembelajaran | | |
|---|---|---|---|
| | **Kandungan Asas** | **Kandungan Tambahan** | **Kandungan Pelengkap** |
| | | 4.1.4 Menulis meter.<br><br>- menulis angka atas dan angka bawah bagi meter<br><br>**2 3 4**<br>**4 4 4** | |

Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E
62604 Putrajaya
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917